

Beberapa wakil rakyat MCA nyatakan hasrat tidak bertanding

UM - 2 FEB 2003

KUALA LUMPUR 1 Feb. — Beberapa wakil rakyat MCA telah menyatakan hasrat untuk tidak lagi bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, terdapat daripada kalangan mereka telah memberikan perkhidmatan cukup lama dan ada yang sudah mulai melatih bakal pengganti masing-masing.

“Ada, ada... tiap-tiap penggal pun ada yang bersara atau berundur malah ada di kalangan mereka yang sudah latih bakal pengganti,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran parti itu di Wisma MCA di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan terdapat wakil rakyat dari MCA yang telah menyatakan hasrat masing-masing untuk berundur dan tidak lagi bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, menurut Liong Sik, MCA mempunyai peraturan mengenai had tempoh khidmat anggotanya seperti hanya satu atau dua penggal bagi Anggota Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dan satu penggal bagi Anggota Dewan Negara.

Mengenai kemampuan golongan muda untuk mengambil alih pucuk kepimpinan parti, beliau berkata, semua bakal peneraju parti itu termasuk dari kalangan pemimpin muda kini telah diberi kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan tinggi parti.

“Peneraju kedua, peneraju ketiga, semua kita telah ada. Apa yang perlu dibuat ialah apabila golongan tua bersara, mereka terpaksa memilih satu pasukan yang boleh memimpin terus untuk tempoh 10 tahun atau lebih,” katanya.

Ditanya mengenai keputusannya meletak jawatan dari kerajaan, Liong Sik berkata, beliau sedia meninggalkan Kabinet dengan hati terbuka jika hasratnya itu diterima oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Surat

“PM akan putus bila tarikh itu, jangan tanya saya apa yang PM patut jawab, surat itu tidak bertarik,” katanya merujuk kepada surat perletakan jawatannya yang dihantar kepada Dr. Mahathir pada Ogos tahun lepas.

Sementara itu ketika ditanya mengenai harapannya kepada ahli dan pemimpin MCA sempena Tahun Baru Cina kali ini, beliau berharap semua anggota dan pemimpin MCA kembali mengukuhkan parti itu.

“Saya percaya kebanyakan ahli dan pemimpin MCA mahu bersama membina satu parti yang kukuh dan bersatu, mungkin ada segelintir yang ada agenda lain tetapi harapan saya tahun ini ialah semua kembali untuk menjadi satu keluarga,” katanya.